



IKHLAS
...Hashim (kiri)
dan Daud (tiga
dari kiri)
bersama ahli
PDAM
memberi duit
raya kepada
sebahagian
penghuni
Rumah Baitul
Ehsan,
semalam.

Minyak RON95 tidak beri kesan negatif

H M 27/9/09 M/S 10

KUALA LUMPUR: "Guna-kan minyak RON95 tanpa was-was," kata Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM), Datuk Hashim Otman.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai isu penggunaan minyak berkenaan yang didakwa sesengah pengguna mampu memberikan kesan negatif terhadap kenderaan berbanding minyak jenis RON97.

Hashim berkata, pengenalan minyak jenis RON95 itu dibuat bagi menggantikan penggunaan minyak jenis RON92 yang kualitinya le-

bih rendah sebelum ini.

"Jadi pengguna beruntung kerana minyak itu (RON95) boleh diguna pakai lebih 95 peratus jenis kenderaan di negara ini dan tidak timbul isu kurang kualiti sehingga boleh merosakkan kenderaan," katanya selepas menyerahkan sumbangan kepada 43 anak yatim dari Rumah Baitul Ehsan Kampung Pandan di sini, semalam.

Katanya, pengenalan dua jenis minyak termasuk RON97 bermula awal bulan lalu sebenarnya dapat memberikan nilai tambah kepada pengguna.

"Cuma RON97 pula lebih sesuai untuk kenderaan mewah dan canggih serta kebanyakannya digunakan masyarakat yang berpendapatan tinggi," katanya.

Sementara itu, pada majlis sumbangan berkenaan sebanyak RM6,000 duit raya termasuk sumbangan wang tunai diserahkan kepada rumah anak yatim itu.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Perdagangan Dalam Negeri (BPDN) Daud Tahir. Turut serta 20 ahli persatuan PDAM.